

03/07/1997

Pemuda Gerakan bincang hasrat Dr Lim

IPOH, Rabu - Jawatankuasa Kerja Pemuda Gerakan akan bermesyuarat di Kuala Lumpur, Sabtu ini bagi membincangkan isu kesediaan presiden parti itu, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik untuk melepaskan jawatan menteri.

Ketua Pemuda Gerakan, Chang Ko Youn, berkata mesyuarat itu dijangka mengeluarkan resolusi bagi memujuk Dr Lim agar tidak melepaskan jawatan Menteri Perusahaan Utama yang disandangnya sekarang.

Menurutnya, Dr Lim tidak sewajarnya melepaskan jawatan menteri semata-mata mahu membuktikan pembabitannya dalam politik bukan untuk mengejar kedudukan dan status.

"Pemuda Gerakan tidak bersetuju dengan cadangan beliau melepaskan jawatan menteri kerana kita berpendapat Dr Lim akan dapat memberikan sumbangannya secara lebih berkesan dengan memegang kedua-dua jawatan.

"Sebagai menteri, beliau sudah membuktikan memberi perkhidmatan yang baik kepada negara, terutama ketika menangkis dakyah negatif Barat berhubung isu pembalakan hutan tropika, minyak kelapa sawit dan getah asli.

"Beliau perlu meneruskan khidmat, khususnya bagi membantu Malaysia membuat persediaan untuk mencapai tahap negara maju," katanya di sini, hari ini.

Chang yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perbandaran, Kerajaan Tempatan dan Pengguna negeri mengulas kenyataan Dr Lim beberapa hari lalu yang menyatakan kesediaannya melepaskan jawatan menteri bagi memberi peluang kepada orang lain.

Dr Lim juga dilaporkan membuat kenyataan itu bagi membuktikan jawatan tertinggi parti yang dipegangnya bukan hanya untuk mendapat kedudukan dan pangkat sebagai menteri.

Sebaliknya, menurut Dr Lim, beliau masih boleh memberikan perkhidmatan kepada masyarakat tanpa jawatan berkenaan.

Sehubungan itu, Chang meminta Presiden Gerakan itu menimbang semula hasratnya itu.

Katanya, Dr Lim juga memberikan sumbangan yang besar kepada Gerakan kerana gaya kepemimpinannya mampu menstabil dan mengukuhkan perpaduan parti itu.

Sementara itu, Parti Gerakan di Negeri Sembilan mahukan Dr Lim terus memegang jawatannya sebagai menteri.

Setiausahanya, Dr S Vijayarajam hari ini berkata Gerakan negeri berpendapat tidak perlu bagi Dr Lim untuk melepaskan jawatan menteri dalam usaha membuktikan jawatan kerajaan bukan keutamaan dalam berjuang bagi rakyat dan parti.

Sambil menyifatkan Dr Lim sebagai komited dan rajin, Vijayarajam berkata Lim banyak menyumbang kepada komoditi utama Malaysia di dalam dan luar negara.

Ini terbukti kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengiktiraf keupayaan Dr Lim dengan melantiknya untuk memegang jawatan yang penting itu sejak 11 tahun lepas.

(END)